

Headline	Tiga faktor Khazanah kerugian		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	06 Mar 2019	Readership	209,955
Circulation	69,985	Page No	21
Section	Bisnes	Journalist	Nurhayati Abillah
ArticleSize	487 cm ²		
PR Value	RM 50,362		



Tiga faktor Khazanah kerugian

Yakin mampu kembali catat untung tahun ini didorong susut nilai lebih rendah

Oleh Nurhayati Abillah dan Nora Mahpar
bhbiz@NSTP.com.my

P eruntukan bagi susut nilai yang lebih tinggi seiring dengan ketidaktentuan pasaran, pendapatan dividen yang berkurangan dan keuntungan pelupusan lebih rendah menjadinya punca Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) mencatatkan kerugian sebelum cukai RM6.271 bilion pada 2018 berbanding keuntungan RM2.896 bilion tahun sebelumnya. Ia kerugian pertama Khazanah sejak 2005.

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, prestasi sayap pelaburan strategik negara itu pada 2018 terkesan akibat ketidaktakutuan ekonomi global sepanjang tahun lalu yang menyaksikan pasaran yang perlana berikutan ketegangan geopolitik dan prospek pertumbuhan kurang membezarkan bagi pasaran baru muncul.

"Selain itu, portfolio kumpulan

juga dipengaruhi oleh perkembangan domestik termasuk tinjauan pendapatan yang suram dan beberapa perubahan dalam pengawal walaupun dalam tempoh dikaji.

"Pada masa sama, kerajaan turut menyuntik nafas baharu terhadap Khazanah yang membabitkan perubahan besar, termasuk mandat baharu.

"Penyusunan semula organisasi yang sedang dijalankan ini akan membolehkan kami melaksanakan peranan bagi mengembangkan kekayaan jangka panjang Malaysia

bermula tahun ini dan kembali mencatat keuntungan," katanya mengumumkan Ulasan Tahunan Khazanah 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Aset tunai berkurangan

Nilai portfolio menerusi Nilai Bersih Dilaraskan (NWA) Khazanah merosot kepada RM91 bilion pada 2018, susut 21.6 peratus daripada RM116 bilion pada 2017.

Bagi tempoh sama, aset boleh tunai berkurangan kepada RM136 bilion daripada RM157 bilion.

Prestasi pasaran syarikat utama yang dilabur oleh Khazanah susut pada 2018 termasuk Axiatel (-26.9 peratus), Telekom Malaysia Bhd (-56.9 peratus), Tenaga Nasional Bhd (-7.9 peratus), IHH Healthcare (-7.6 peratus), CIMB (-9.3 peratus) dan Malaysia Airports Holdings Bhd (-3.3 peratus).

Mengulas lanjut, Shahril Ridza berkata tahun lalu adalah tempoh sukar bagi pasaran global dan tidak hanya berlaku di Malaysia.

"Hampir semua pasaran berakhir dalam prestasi negatif pada 2018. Ini disebabkan oleh pelbagai

faktor termasuk ketegangan politik di peringkat global," katanya.

Meskipun begitu, beliau menegaskan Khazanah diyakini kembali mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, didorong oleh susut nilai lebih rendah serta pelaksanaan strategi pengimbangan semula portfolio.

Pada 2018, kerajaan memulakan penstrukturran dan penyusunan semula Khazanah, membabitkan perubahan kepimpinan dan pengurusan kanan dalam Lembaga Pengarah.



KHAZANAH AKAN MENERUSKAN DUA OBJEKTIF MENERUSI STRUKTUR PELABURAN DWIDANA

